



**KEMENTERIAN  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PLAN**Malaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman  
*Planning: Beyond Conventional*

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
(KPKT)**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN  
HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA TAHUN 2022  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

**8 NOVEMBER 2022 (SELASA)**

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

< SALUTATION DISEDIAKAN BERASINGAN >

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita berpeluang untuk bersama-sama menjayakan **Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan**.
2. Hari ini adalah 8 November 2022, satu hari yang istimewa buat semua pihak yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan bandar di seluruh dunia, khususnya perancang bandar. Saya ingin mengucapkan **SELAMAT HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA** kepada semua hadirin yang hadir secara fizikal di dewan ini dan secara maya !

3. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli**, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa atas undangan untuk **merasmikan majlis sambutan** pada hari ini dan seterusnya **menyampaikan Penghargaan Bandar Mampan dan Anugerah Kejiranan Hijau**.
4. Saya juga difahamkan satu Persidangan Perancangan Bandar Peringkat Kebangsaan telah berlangsung semalam dengan jayanya. Terima kasih dan penghargaan saya juga kepada **YBhg. Datin Noraida binti Saluddin**, Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) yang merupakan rakan strategik Kementerian dan PLANMalaysia dalam penganjuran persidangan dan majlis sambutan pada pagi ini.
5. Saya yakin Persidangan Perancangan Bandar Peringkat Kebangsaan ini menjadi platform berimpak tinggi bagi membincangkan, mengupas dan mencadangkan solusi serta halatuju terbaik bagi mendepani dan menangani pelbagai isu pembangunan bandar dan desa dan proses urbanisasi secara keseluruhannya terutama berkaitan aspek daya huni dan kemampuan bandar.
6. Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dengan keluarga profesion perancang dan pengurus bandar di Malaysia dalam

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia yang turut disambut secara global.

7. Saya amat menghargai peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama dengan profesion perancang bandar dan semua pihak yang terlibat yang telah **banyak menyumbang jasa kepada perancangan pembangunan** negara semenjak dahulu lagi. Perancangan demi perancangan dengan pelbagai inisiatif dan tindakan telah dilakukan untuk memastikan kesejahteraan sejagat dapat dipenuhi mengikut zaman.

### **KOMITMEN KPKT DALAM AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI**

8. Tema HPBS pada tahun ini adalah **Malaysia Berdaya Huni: Transformasi Bandar Masa Hadapan**. Tema ini amat berkaitan dengan gagasan '**AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI**' **ATAU 'LIVEABLE MALAYSIA'** yang menjadi hala tuju KPKT. Berdaya huni ini merupakan teras kepada fungsi dan peranan KPKT sebagai sebuah Kementerian yang berpaksikan rakyat.
9. Sehubungan itu, KPKT telah menggariskan **Enam Fokus Malaysia Berdaya Huni 2022 KPKT** iaitu :
  - a. Memastikan penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti;

- b. Mengurus perdana pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
  - c. Memperkasa pembangunan komuniti bandar;
  - d. Mempertingkatkan kesiapsagaan kebombaanan dan penyelamatan;
  - e. Mengutamakan kemampunan bandar, pembangunan dan daya tahan Bandar Hijau; dan
  - f. Mentransformasi pengurusan sisa pepejal ke arah pembangunan ekonomi kitaran.
10. Saya ingin menarik perhatian bahawa, banyak program dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan di peringkat kementerian adalah berkaitan dengan agenda menjadikan Malaysia sebuah negara berdaya huni. Semalam pun saya berkesempatan hadir dan merasmikan sambutan **Hari Habitat Sedunia Peringkat Kebangsaan** yang turut memberi perhatian kepada agenda berdaya huni khususnya berkaitan petempatan bandar.
11. Dari segi perumahan, KPKT telah memperkenalkan **Home Ownership Programme (HOPE)** yang berteraskan kepada Elemen 5K iaitu Ketersediaan (*availability*), Keupayaan Memiliki (*affordability*), Kemudahan Mendapatkan Pembiayaan (*accessibility*), Kualiti (*Quality*) dan Kediaman Berdaya Huni (*Liveability*). Ini disokong dengan **Inisiatif Pembiayaan**

**Perumahan Malaysia atau i-BIAYA** yang menawarkan tiga skim pembiayaan, iaitu melalui Kementerian Kewangan, Cagamas, Syarikat Jaminan Kredit Perumahan dan PR1MA yang memudahkan anak muda dan pembeli rumah pertama untuk mendapatkan pembiayaan sehingga 110 peratus.

12. Berkaitan subjek perumahan ini, selain kita menyentuh aspek mampu milik dan pembiayaan, tugas kementerian khususnya melalui PLANMalaysia adalah kepada perancangan perumahan yang sistematik, mampan, dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan yang berkualiti, yang di akhirnya membantu dalam pembentukan komuniti yang sejahtera dan berdaya huni.

Hadirin yang dimuliakan,

13. Selain dari aspek perumahan, **pembangunan komuniti** antara penekanan kementerian dalam menangani impak urbanisasi yang turut menimbulkan isu perbandaran seperti banjir kilat, kesesakan dan masalah sosial lain.
14. **Dasar Komuniti Negara (DKomN)** yang digubal juga antara lain bertujuan membentuk komuniti yang lebih peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat, penekanan kepada **nilai-nilai murni, rasa tanggung jawab dan rasa kepunyaan dalam kalangan komuniti bandar untuk menjalani kehidupan seharian.**

15. Kementerian juga telah melaksanakan beberapa program lain bagi menyokong pembangunan komuniti, antaranya adalah **Program Baik Pulih Rumah dan Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB)**.
16. Bagi memastikan Agenda Malaysia Berdaya Huni ini terlaksana, tindakan pengukuran terhadap keberkesanannya perlu dilakukan, maka Kementerian melalui PLANMalaysia telah membangunkan **Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM)** yang telah dilancarkan pada 18 Ogos yang lepas, sebagai **instrumen pengukuran tahap daya huni dan kesejahteraan rakyat di peringkat kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**.
17. Pelbagai inisiatif yang menyokong pembangunan mampan juga telah dilaksanakan oleh Kementerian melalui PLANMalaysia sama ada di peringkat persekutuan, negeri mahupun tempatan. Antaranya adalah **penyediaan rancangan pemajuan nasional** (seperti Rancangan Fizikal Negara dan Dasar Perbandaranan Negara); **Rancangan Wilayah** (seperti Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai dan Kajian Pelan Induk Sumber Makanan Negara), **Garis Panduan Perancangan, Sistem Maklumat Guna Tanah Negara, Rancangan Pemajuan dan Pelan Tindakan** di peringkat persekutuan, dan pelaksanaan **projek showcase** seperti *healthy walkable city* dan transit oriented development di peringkat tempatan.

18. KPKT selaku agensi yang menerajui soal pengurusan sisa pepejal di negara sedang merangka pelaksanaan **ekonomi kitaran atau *Circular Economy***, melalui pelan transformasi menyeluruh pengurusan sisa pepejal untuk kita beralih daripada ekosistem bersifat '*linear economy*' kepada '*circular economy*'.
19. Untuk tujuan ini, KPKT sedang melihat pelaksanaan ekonomi kitaran melalui bukti konsep (Proof of Concept - POC) di beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memperakukan kawasan PBT sebagai '***Circular City***' atau **PBT mampan** dalam soal pengurusan sisa pepejal. KPKT juga sedang melihat soal insentif di peringkat permulaan serta jangka panjang yang boleh diberikan sebagai galakan kepada semua pihak untuk menjayakan agenda ekonomi kitaran itu
20. Agenda Besar Malaysia Berdaya Huni ini bukan sekadar agenda untuk KPKT sahaja, bahkan ia memerlukan **kerjasama dan komitmen daripada semua pihak**, termasuk kementerian, agensi kerajaan di pelbagai peringkat, pertubuhan profesional, universiti, pihak swasta dan komuniti. Justeru itu, saya menyeru semua pihak untuk sama-sama berganding bahu bagi merealisasikan inisiatif yang telah dirangka di peringkat kementerian agar **transformasi perbandaran yang lebih berdaya huni akan dapat dicapai dengan lebih efektif.**



Hadirin yang dimuliakan,

## **PROFESION PERANCANG BANDAR DI MALAYSIA**

21. Pada tahun lepas kita telah menyambut 100 Tahun Perancang Bandar di Malaysia, maksudnya profesion perancang bandar telah berakar di Malaysia sejak 1921, sebelum kita mencapai kemerdekaan. Pasti ia merupakan profesion yang telah mencapai kematangan dan boleh bergerak ke depan lagi berbanding dengan profesion – profesion yang lain.
22. Saya memang kagum dengan kebolehan dan pengetahuan para perancang dan pengurus bandar. Pengetahuan tuan – tuan dan puan – puan yang begitu **diverse dan menyeluruh**, samada dalam bidang ekonomi, sosial, alam sekitar amat membantu dalam merangka dan melaksanakan dasar dan polisi pembangunan negara.
23. Bagi KPKT, kita amat berterima kasih dengan dasar, polisi, pelan, garis panduan dan sistem maklumat yang disediakan oleh profesion perancang dan pengurus bandar, khususnya PLANMalaysia, yang telah banyak membantu dalam menasihati dan menjadi panduan kepada KPKT dan kementerian – kementerian dan jabatan – jabatan dalam merangka projek dan program yang sesuai, serta membuat keputusan dalam kebolehlaksanaan projek pembangunan.

24. Kalau kita menyentuh berkenaan aspek pembangunan mampan dan daya huni bandar, saya yakin perancang dan pengurus bandar adalah **satu – satunya profesion yang dilengkapi dengan *multi-diciplinary skill* untuk melaksanakan transformasi ke atas bandar – bandar di Malaysia**, ke arah kesejahteraan penduduk, kemampanan alam sekitar dan matlamat akhir, sudah tentu untuk mencapai kemakmuran negara
25. Secara keseluruhannya, saya melihat profesion perancang dan pengurus bandar inilah yang merupakan **pemangkin dalam mencorakkan pembangunan** di negara kita. Mereka inilah yang sentiasa mengeluarkan idea-idea baharu untuk diimplementasikan dalam setiap inci perancangan pembangunan yang dilaksanakan. Idea-idea tersebutlah yang ditukarkan menjadi sebuah pembangunan dengan mengambil kira elemen-elemen perancangan dan pembangunan sosial seiring dengan keperluan semasa seperti yang kita nikmati pada hari ini.
26. Di kesempatan ini, saya ingin **mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua perancang dan pengurus bandar** walau di mana jua anda bertugas, sama ada di peringkat Persekutuan, peringkat Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mahupun perunding-perunding swasta. Anda semua adalah pemangkin yang menjadi tulang

belakang kepada pembangunan gunatanah dan perbandaran seperti yang dapat dinikmati oleh rakyat pada hari ini.

27. Kesungguhan dan komitmen profesion perancang dan pengurus bandar merupakan kejayaan di sebalik tabir pembangunan mampan yang memenuhi keperluan bukan sahaja untuk masyarakat pada hari ini tetapi juga kepada generasi akan datang.
28. Saya memberi komitmen akan bersama-sama dengan profesion ini untuk bersama meneliti serta menambah baik perancangan spatial yang lebih komprehensif dan lebih menyeluruh dan bersesuaian, khususnya rancangan pemajuan nasional dan rancangan wilayah, dengan keperluan semasa bagi mewujudkan persekitaran kehidupan yang sejahtera dan mampan.

## **PENUTUP**

29. Saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), selaku peneraju utama kepada bidang perancangan bandar dan desa di peringkat negara, kerana menganjurkan sambutan ini untuk **meraikan serta menghargai jasa bakti, sumbangan dan peranan perancang dan pengurus bandar** dalam merancang pembangunan di negara kita.

30. Akhir kata, **terima kasih atas sumbangan anda**. Teruskan komitmen anda, bersama-sama kita memajukan negara yang tercinta ini ke arah kesejahteraan komuniti dan kemakmuran negara.

31. Dengan **lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan ‘Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan’**.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh:

Bahagian Korporat  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)